



KRISIS KERUNTUHAN LELAKI HETEROSEKSUAL KEPADA LELAKI LAIN SEBAGAI PERFORMATIF GENDER



MOHD. DZUL FADZLI BIN ABDUL MAJID

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KRISIS KERUNTUHAN LELAKI HETEROSEKSUAL KEPADA LELAKI LAIN
SEBAGAI PERFORMATIF GENDER**

MOHD. DZUL FADZLI BIN ABDUL MAJID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **11 JUN 2024**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **MOHD. DZUL FADZLI BIN ABDUL MAJID (M20201000360) FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **KRISIS KERUNTUHAN LELAKI HETEROSEKSUAL KEPADA LELAKI LAIN SEBAGAI PERFORMATIF GENDER** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. NOR SHURADI BIN HAJI NOR HASHIM** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KRISIS KERUNTUHAN LELAKI HETEROSEKSUAL KEPADA LELAKI LAIN SEBAGAI PERFORMATIF GENDER** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN.**

26 September 2024

Tarikh

DR NOR SHURADI HAJI NOR HASHIM
Penyarah
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

Tandatangan Penyelia

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KRISIS KERUNTUHAN LELAKI HETEROSEKSUAL KEPADA LELAKI LAIN SEBAGAI PERFORMATIF GENDER

No. Matrik / Matric's No.: M20201000360

Saya / I: MOHD. DZUL FADZLI BIN ABDUL MAJID
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.

The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.

The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

☒ **TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 26 September 2024

DR NOR SHURADI HAJI NOR MAJID
Pensyarah
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan laporan Projek Tahun Akhir saya dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan jayanya selepas menempuhi pelbagai cabaran dan rintangan. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua pihak yang hadir dan memberi bantuan secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha diri ini menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya iaitu Dr Nor Shuradi bin Haji Nor Hashim atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang melaksanakan penyelidikan ini. Kesabaran dan sokongan serta nasihat yang dicurahkan telah banyak membantu kepada kejaayan dalam pembangunan kajian saya ini. Segala bantuan, masa dan kebijaksanaan beliau amatlah saya hargai. Seterusnya, terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga yang tersayang, Abdul Majid bin Lanaga (bapa) dan Addisin manding (ibu) serta adik-beradik yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan serta semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Saya juga berterima kasih kepada Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana banyak membantu dalam pengajian saya. Tidak lupa juga terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan yang sudi membantu saya dari segi motivasi serta nasihat yang tidak pernah kenal erti menyerah. Akhir sekali, ucapan penghargaan kepada diri saya sendiri kerana berjaya menguatkan diri sepanjang penghasilan tesis ini.





ABSTRAK

Proposal Projek Pengajian Persembahan (D3P-Karya Kreatif) adalah untuk mendemonstrasikan krisis keruntuhan Kelelakian Heteroseksual kepada Lelaki Lain menerusi karya 'Mama Dynaz' sebagai performativiti gender. Penciptaan karya kreatif 'Mama Dynaz' adalah berdasarkan pertikaian pengkaji tentang identiti pemaparan imej lelaki pada medium karya seni bukanlah bersifat tuntas yang dikawal dari perspektif identiti lelaki heteroseksual semata-mata. Pengkaji menegaskan pemaparan imej gender lelaki adalah bersifat tidak stabil, boleh berubah-ubah dan 'mencair' dari kawalan kuasa hetero macho lelaki kepada bentuk lelaki lain yang bersifat transgender. Justeru, objektif kajian ini ingin mencerakin tanda krisis keruntuhan lelaki hetero kepada transgender sebagai sumber pengkayaan. Dan, objektif seterusnya adalah mendemonstrasikan tanda krisis keruntuhan lelaki heteroseksual kepada tanda penghidupan transgender yang disalurkan pada aspek naratif dan sinematik persembahan doku-drama eksperimentasi sebagai sebuah performatif gender. Teori penciptaan pada karya kreatif ini adalah bersandarkan kepada kerangka teoritikal 'performativiti gender' oleh Butler (2011) yang mempertikaikan atau menolak prinsip identiti sesebuah gender dalam karya persembahan adalah bersifat kekal atau tetap. Konseptualisasi idea penciptaan karya kreatif ini adalah bersandarkan bentuk 'doku-drama' sebagai idea medium karya penciptaan. Pengkaji memilih genre 'doku-drama' sebagai konseptualisasi penciptaan karya ekoran ianya berfungsi sebagai sebuah medium perakaman untuk merungkai dan memaparkan kisah cerita 'Mama Dynaz' yang mewakili diri individu transgender dan bagaimana watak-watak ini melestarikan kehidupan mereka sebagai golongan lelaki ketiga (third gender) sebagai sebuah performatif gender.



THE CRISIS OF HETEROSEXUAL MEN'S DOWNFALL TO 'OTHER MEN' AS GENDER PERFORMATIVE

ABSTRACT

This Performance Studies Project (D3P-Creative Work) is to demonstrate the crisis of Heterosexual Masculine downfall to 'Other Males' through the work 'Mama Dynaz' as gender performativity. Creating the creative work 'Mama Dynaz' is based on the researcher's dispute that the identity of the male images in the performing arts medium is not thoroughly controlled by the heterosexual male identity as absolute. Researchers asserted that the portrayal of male gender images is unstable, changeable, and 'melts' from male hetero hegemony to other 'male' or forms of transgender. Thus, this study aims to justify the signs of the crisis of heterosexual men's image of transgender as a source of creativity. The next objective is to demonstrate the signs of the crisis of heterosexual men's image to the signs of a transgender image in the narrative and cinematic aspects of the docu-drama genre as gender performativity. The theory of creation in this creative work is based on the theoretical framework of 'gender performativity' by Butler (2011), which disputes or rejects the principle of gender identity in performance work as absolute. The conceptualisation of the idea of creating a creative work is based on modifying the concept of the 'docu-drama' genre as the idea of the medium of the work of creation. The researcher chose the genre of 'docu-drama' as the conceptualisation of the creation of the work as it serves as a medium to unravel and display the story of 'Mama Dynaz', who represents transgender individuals and how these characters sustain their lives as third men as gender performativity.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN DAN LATARBELAKANG	
1.1 Inspirasi dan Motivasi	1
1.2 Matlamat Penciptaan	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Dibalik Penciptaan	8
1.5 Kontekstualisasi Topik	8
1.5.1 Krisis Keruntuhan	8
1.5.2 Kelelahan Heteroseksual	9
1.5.3 Lelaki lain dan Karya “Mama Dynaz”	11
1.5.4 Performatif Gender	12
1.6 Imaginasi Penciptaan	13
BAB 2 KARYA LITERATUR DAN KARYA KREATIF	
2.1 Kajian Literatur	16
2.2 Kajian Karya Kreatif	22
2.3 Keaslian Penciptaan	29
BAB 3 KONSEP PENCIPTAAN	
3.1 Landasan Teori Penciptaan	33



3.2	Konseptualisasi Idea Penciptaan	35
BAB 4	PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF	
4.1	Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan	43
4.1.1	Kaedah Pemerhatian	49
4.1.2	Kaedah Temu Bual	50
4.1.3	Kaedah Dokumen Analisis	50
4.1.4	Deskriptif dan Interpretasi Data	51
4.2	Hasil Dapatan Terhadap Analisis Keruntuhan Kelelakian Hetero Mama Dynaz Sebagai Sebuah Performatif	51
4.2.1	Krisis Keruntuhan Hetero Melalui Kehidupan Mama Dynaz Bersama Keluarga Sebagai Performatif Baharu	52
4.2.2	Krisis Keruntuhan Kelelakian Hetero melalui kehidupan Mama Dynaz Melalui Hidup Berjiran sebagai sebuah performatif Baharu	55
4.2.3	Krisis Keruntuhan Kelelakian Hetero melalui kehidupan Mama Dynaz Melalui Hidup Persekolahan Sebagai Sebuah Performatif Baharu	57
4.2.4	Kehidupan Mama Dynaz Sebagai Performatif Gender di Institusi Pengajian Tinggi	59
4.2.5	Kehidupan Mama Dynaz di Bandar Kuala Lumpur	60
4.2.6	Kehidupan Mama Dynaz Pada Masa Kini	61
4.3	Pendekatan Penciptaan	63
4.3.1	Pendekatan Penciptaan Treatment Skrip	63
4.3.2	Treatment Skrip Doku-Drama	70
4.3.3	Proses Pengkaryaan Rakaman Produksi Mama Dynaz	75
BAB 5	DESKRIPSI KARYA KREATIF	
5.1	Pembentukan Karya	78
5.1.1	Pemaparan Aspek Naratif Karya Doku-drama	80
5.2	Pemaparan Aspek Sinematik Karya Doku-drama	83
5.3	Program Persembahan	106
BAB 6	REFLEKSI DAN RUMUSAN	
6.1	Refleksi Penciptaan	108



6.2	Rumusan Ringkasan Bagi Keseluruhan Bab Penulisan Disertasi	119
6.3	Cadangan	120
	RUJUKAN	122

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbandingan ‘Kelainan’ (Keaslian) Karya ‘Mama Dynaz’ dengan Karya Sedia Ada	31
4.1	Treatment Skrip Doku-Drama	70
5.1	Penghasilan Karya Doku-Drama Mama Dynaz Telah Menetapkan Struktur Persembahan Dari Bingkai ke Bingkai Skrin	83

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Konseptualisasi Idea Penciptaan Karya 'Mama Dynaz'	42
4.1	Kerangka Penciptaan dan Pengumpulan Maklumat Karya Doku-Drama	45
4.2	Sisipan footage diri Mama Dynaz (berbaju putih Bersama ibunya) semasa kanak-kanak	52
4.3	Sisipan footage diri Mama Dynaz (berbaju warna Ungu) semasa remaja.	53
4.4	Sisipan footage diri Mama Dynaz semasa di alam Persekolahan	58
4.5	Sisipan footage diri Mama Dynaz semasa di alam Persekolahan	59
4.6	Sisipan footage kehiduapn diri mama Dynaz pada masa kini	62
4.7	Gambar 3: Adegan penggambaran doku-drama bersama watak Mama Dynaz dan watak Hajah Duldang	76
4.8	Gambar 4: Adegan penggambaran doku-drama watak Mama Dynaz berinteraksi secara monolog di hadapan kamera.	76
4.9	Gambar 5: Aktiviti penggambaran pelakon Mama Dynaz bersama Krew produksi di Set Penggambaran	77
4.10	Gambar 6: Aktiviti perbincangan bersama pelakon dan krew produksi di set penggambaran.	77

SENARAI SINGKATAN

BL	<i>Boy Love</i>
JKR	Jabatan Kerja Raya
LGBT	<i>Lesbian, Gay, Bi-sex, Transgender</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

BAB 1

Pengenalan dan Latar Belakang

Saluran media massa seperti filem, televisyen, iklan, radio dan mahupun platform media massa online lain seperti Google adalah merupakan sumber komunikasi yang menyebarkan kejayaan kaum lelaki dan kaum wanita dalam pelbagai bidang dan kerjaya demi pembangunan sesebuah negara. Pengiktirafan dan penganugerahan yang diperoleh meliputi bidang sukan, kesenian, psikologi, kedokteran, perniagaan, teknologi, teknikal dan lain bidang kemahiran yang disebar luas melalui saluran media massa telah memperkukuhkan kredibiliti imej lelaki dan citra wanita di kaca mata masyarakat tempatan mahupun antarabangsa. Namun ironinya, pengkaji mempertikaikan saluran komunikasi media massa turut bertanggungjawab mengukuhkan mitos diri seorang lelaki heteroseksual secara stereotaip mengikut peranan jantina. Melalui Lomazzi & Crespi (2017) menegaskan kesan kepada



kepercayaan masyarakat secara proses sosialisasi telah menyebabkan wujudnya oposisi binar yang meletakkan nilai lelaki heteroseksual secara dominan. Bagi Gill (2015) pula menjelaskan tanggapan sosialisasi masyarakat mengenai kelaziman tret- tret seperti sangat agresif, superior, berpengaruh, suka bersaing, berfikiran logik, berkemahiran, kasar dan sukar meluahkan emosi yang dipersepsi dimiliki oleh kaum lelaki berbanding wanita menyebabkan representasi imej kelelakian heteroseksual pada karya video drama dan filem sering menjadi suatu kepercayaan pengkarya filem dalam membentuk gambaran hidup watak antagonis dan protagonis kelelakian secara hetero. Justeru pengkaji menegaskan implikasi ke atas kepercayaan mitos kekuasaan lelaki dalam ruang sosial, telah menyebabkan imej kelelakian hetero yang berkuasa turut disalurkan pada karya drama dan filem cereka Melayu di Malaysia. Perihal ini boleh dibuktikan melalui kajian oleh Nor Shuradi (2016) yang mendapati watak-watak lelaki cereka filem Melayu dari tahun 1950an hingga 2012 masih mengekalkan penguasaan lelaki secara hegemoni dengan meletakkan imej kelelakian heteroseksual secara subjek, berkuasa dan dominan. Hasil rumusan kajian Nor Shuradi (2016) telah menegaskan bahawa proses sosialisasi yang terbina di dalam pemikiran pengkarya filem Melayu tempatan masih terperangkap dengan mitos imej lelaki heteroseksual yang berkuasa atau 'posisi subjek'. Manakala citra wanita di posisi secara subordinat atau bahan 'objektifikasi' keseronokan melihat (*gazing*) penonton yang dikawal melalui agenda kapitalisme, ideologi hegemoni dan budaya patriarki.

Sehubungan itu, platform komunikasi media sosial pada masa kini seperti Youtube, Twitter, Facebook mahupun platform komunikasi media sosial berasaskan video digital seperti Netflix turut rancak memaparkan kehidupan golongan 'gender ketiga' atau *third gender* sebagai latar penceritaan. Secara asasnya, Herdt (2020)





menjelaskan gender ketiga merujuk kepada golongan lain selain dari golongan lelaki heteroseksual dan wanita heteroseksual di dalam kehidupan sosial sebuah masyarakat. Dengan itu makna konteks lelaki atau perempuan lain, kertas kerja ini menegaskan ia merujuk kepada pihak golongan gender ketiga yang dirujuk sebagai golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LBGT) yang menyimpang dari orientasi seksualiti golongan lelaki hetero atau perempuan hetero secara kebiasaan. Dari suatu sisi lainnya, Nurul Husna (2021) pula menjelaskan golongan transgender adalah merujuk kepada golongan individu lelaki yang mencetuskan krisis kecelaruan identiti kelelakian apabila tidak lagi selesa dengan jantina asal secara hetero. Lantas memilih untuk bersikap lain dengan mengubah status kelelakian hetero kepada identiti kewanitaan sebagai imej gendernya yang baharu. Sehubungan dengan itu, Herdt (2020) sekali lagi menegaskan golongan yang memilih dirinya sebagai transgender turut menghadapi krisis oposisi biner yang memisahkan status sosial mereka sebagai makhluk *deviant*, dan manakala golongan heteroseksual diposisikan secara kuasa dan hegemoni. Ringkasnya, krisis ini menimbulkan ketidaksetaraan gender dalam ruang sosial hingga menyebabkan golongan LGBT termasuk golongan *transgender* telah memperjuangkan hak asasi mereka dalam pelbagai bentuk termasuk menggunakan medium saluran media sosial untuk mengkritik kuasa hegemoni dan patriarki.

Selain itu, Pengkaji turut menegaskan kekuasaan mitos kelelakian hetero yang ditanggapi masyarakat hanya satu-satunya bentuk lelaki turut boleh runtuh dengan kemunculan watak-watak lelaki transgender di dalam saluran media sosial. Pemaparan watak-watak lelaki transgender yang ditayangkan di saluran platform media sosial diandaikan boleh meruntuh mitos kelelakian hetero kepada pemaparan bentuk gender lelaki lain secara performatif. Bagi meneliti perihal dengan lebih rinci, pengkaji telah





melaksanakan penganalisan dengan menyelidiki platform media sosial berasaskan digital video masakini melalui saluran Nexflix, Youtube, Facebook yang didapati turut merupakan saluran talian internet yang telah mempamerkan drama yang memerihalkan golongan LGBT kepada masyarakat media sosial. Hasil kajian rintis mendapati penerbitan drama siri *Boy Love* (BL) yang memerihalkan kehidupan golongan homoseksual remaja lelaki telah diterbitkan melalui pelbagai syarikat produksi di Thailand, Filipina, Jepun, Korea, Eropah dan Amerika Syarikat. Jelasnya penerbitan BL yang dilakukan secara rakaman digital kamera telah mencetuskan fenomena baharu dalam dunia penyiaran media sosial masa kini ekoran memerihalkan kisah dunia LBGT kepada penonton tanpa memisahkan latar gender dan seksualiti. Menurut penyunting akhbar *Time Out Bangkok*, Koaysombom (2020) telah menjelaskan rancangan drama siri bertemakan percintaan lelaki dengan pasangan lelaki (*boy love*) telah mencetuskan fenomena baharu dalam industri penyiaran di Thailand ekoran mendapat sambutan luar biasa masyarakat penonton Thailand mahupun peminat antarabangsa. Meskipun dibarisi oleh para pelakon lelaki Thailand sejati (heteroseksual) yang memainkan karakter- karakter golongan gay, namun ia berupaya mencetuskan fenomena luar biasa dari jutaan peminat yang berstatus normal (hetero) mahupun golongan LGBT. Malahan, selain dari menyiarkan drama-drama berstatuskan kategori gay dalam saluran media sosial seperti Neflix, kajian rintis turut mendapati drama siri bergenrekan ‘boy love’ turut menular kepada penerbitan tempatan bagi negara seperti Filipina, Jepun, Korea dan China yang menyalurkan kisah golongan gay lelaki hingga mendapat sambutan hangat dari peminat-peminat media sosial di seluruh dunia.

Tambahan pula, hasil penganalisan mendapati penerbitan drama bertemakan golongan transeksual lelaki turut mendapat sambutan dari peminat media sosial seluruh





dunia masa kini. Saluran media sosial seperti Youtube, Twitter dan Netflix turut mendapat perhatian dari penonton yang menyaksikan konflik drama individu-individu transeksual yang perlu *survived* dalam dunia cengkaman kapitalis, sistem patriarki dan ketidaksetaraan gender. Malahan pada masa yang sama, kajian rintis turut mendapati kisah golongan transgender mahupun gay lelaki turut diterbitkan oleh produksi tempatan. Namun ironinya, penerbitan drama bergenrekan tema-tema kehidupan gay dan transgender lelaki di dalam dunia penerbitan produksi video atau filem tempatan kurang meriah dibandingkan dari negara Thailand, Filipina, Korea, Jepun, China mahupun Eropah dan Amerika Syarikat yang dikawal atas agenda kapitalisme.

Secara ringkasnya, pengkaji membangkitkan semula isu persoalan tentang potensi saluran komunikasi media massa bertanggungjawab mengukuhkan mitos diri seorang lelaki heteroseksual secara stereotaip mengikut peranan jantina. Seterusnya, isu persoalan turut membangkitkan media komunikasi massa seperti filem dan televisyen turut ditandai memperkukuhkan mitos lelaki dan kelelakian heteroseksual dengan memaparkan identifikasi mereka secara berkuasa dan subjek yang mengawal citra wanita dan gender ketiga secara hegemoni. Justeru, pengkaji menegaskan saluran komunikasi media khususnya saluran Netflix, Youtube, Twitter dan aplikasi talian internet lain turut meledakkan fenomena baharu dengan menyalurkan aksi drama golongan gay, lesbian, biseksual, transeksual mahupun transgender sebagai suatu bentuk performatif gender di hadapan kaca mata penonton media sosial. Secara langsung, pengkaji sekali lagi menegaskan bahawa penerbitan drama-drama bergenrekan LGBT berpotensi meruntuhkan atau mencairkan status kuasa lelaki heteroseksual secara hegemoni dengan memunculkan gender lelaki lain sebagai performatif gender dalam saluran komunikasi media massa. Erti kata lain, kehadiran





drama-drama siri *Love Boy* atau cerita kehidupan LGBT pada saluran media Netflix dan Youtube berpotensi mewujudkan krisis keruntuhan imej lelaki dan kelelakian heteroseksual sebagai sebuah performativiti gender ekoran membangun semula suatu imej pemaparan lelaki 'lain'.

Oleh hal demikian, maka pengkaji membangunkan suatu idea baharu yang terbit dari inspirasi dan motivasi penyelidikan selaku pelajar projek akhir dengan mengusulkan penerbitan karya kreatif produksi berbentuk doku-drama untuk memaparkan tanda-tanda krisis keruntuhan hegemoni kekuasaan lelaki hetero dengan cara memaparkan imej bentuk lelaki lain sebagai sebuah performatif gender. Dengan berbekalkan kepada kerangka 'Performativiti Gender' oleh Butler (2015) sebagai pegangan teoritikal. Kertas kerja projek akhir ini bakal menghasilkan karya kreatif penerbitan doku-drama eksperimentasi dengan memaparkan kisah sebenar watak Mama Dynaz sebagai simbol keruntuhan mitos hegemoni lelaki hetero sehingga berperanan sebagai performativiti gender lelaki lain.

1.2 Matlamat Penciptaan

Matlamat utama penerbitan doku-drama adalah untuk memaparkan tanda-tanda krisis keruntuhan hegemoni heteroseksual kelelakian dengan membangunkan watak-watak lelaki Mama Dynaz sebagai ikonik performatif gender lelaki lain, dengan bersumberkan 'treatment' doku-drama yang terhasil dari sumber dapatan kajian lapangan. Maka, matlamat penerbitan karya 'Mama Dynaz' dapat menegaskan pertikaian Bulter (2015) yang mempersoalkan bukan hanya satu bentuk gender lelaki hetero yang ditandai



berada di ruang sosial mahupun di ruang performatif secara *absolute*. Ironinya, idea proposal ini ingin menjustifikasikan dan mendemonstrasikan watak Mama Dynaz turut merupakan ikonik gender ketiga, gender lain atau imej lelaki transgender yang bertindak sebagai sebuah performatif gender. Ringkasnya, matlamat kertas kerja ini adalah untuk membuktikan bentuk performatif gender lelaki khususnya lelaki heteroseksual adalah tidak bersifat tuntas atau stabil. Sebaliknya, bentuk performatif gender lelaki boleh berubah-ubah dan ‘mencair’ dari kawalan kuasa hetero macho lelaki yang sejati kepada bentuk lelaki lain atau transgender. Perihal dapat dibuktikan dengan mengusul proposal penerbitan video doku-drama bertajuk Mama Dynaz sebagai simbol keruntuhan hegemoni lelaki hetero kepada performativiti transgender.

- 1.3.1 Menjustifikasikan tanda krisis keruntuhan kelelakian heteroseksual melalui realiti kehidupan individu lelaki kepada ‘lelaki lain’ sebagai sumber karya performatif.
- 1.3.2 Mendemonstrasikan tanda-tanda keruntuhan kelelakian hetero kepada gender lelaki ‘lain’ melalui aspek naratif dan aspek sinematik doku-drama sebagai sebuah performatif gender.



1.4 Persoalan Disebalik Penciptaan

- 1.4.1 Apakah tanda krisis keruntuhan kelelakian heteroseksual melalui realiti kehidupan individu lelaki kepada ‘lelaki lain’ sebagai sumber karya performatif ?
- 1.4.2 Bagaimanakah tanda-tanda keruntuhan kelelakian hetero kepada gender lelaki ‘lain’ melalui aspek naratif dan aspek sinematik doku-drama sebagai sebuah performatif gender?

1.5 Kontekstualisasi Topik



1.5.1 Krisis Keruntuhan

Menurut Kamus Dewan *Online* (2021) perkataan ‘krisis’ bermaksud keadaan tidak stabil yang boleh secara tiba-tiba menyebabkan sesuatu kejadian (perkembangan, perubahan, dan lain-lain) dimana keadaan ini lazimnya mendatangkan kesan buruk, keadaan genting, ketegangan, keributan, keruntuhan sesuatu perkara. Manakala perkataan ‘keruntuhan’ merujuk kepada makna perihai runtuh, kejatuhan, kecairan, kerosakan, luntur pada suatu perkara. Seterusnya, perkataan ‘hegemoni’ melalui Kamus Dewan *Online* (2021) adalah merujuk kepada makna dominan atau kepimpinan suatu negara terhadap negara yang lain.





Justeru dalam konteks konseptualisasi kendalian projek akhir ini, krisis keruntuhan adalah merujuk kepada keruntuhan mitos kepercayaan ‘lelaki hetero’ secara berkuasa, statik atau tuntas turut boleh runtuh atau cair ekoran ianya bukanlah suatu keadaan stabil dan mampan. Dalam kata lain, identiti lelaki heteroseksual bukan sesuatu yang stabil atau kekal kerana ia boleh diganggu-gugat dengan kehadiran gender lelaki ‘lain’ sebagai sebuah performatif. Berbekalkan kepada pegangan teortikal ‘gender performatif’ oleh Butler sebagai asas pegangan utama inilah proses pengkaryaan projek akhir ini ingin mencahar mitos kekelakian hetero secara stereotaip. Definisi kajian ini menetapkan maksud ‘keruntuhan’ dalam konteks penciptaan karya ini adalah merujuk kepada imej lelaki yang tidak lagi diikat secara patriakal dan secara stereotaip ikut peranan jantina. Sebaliknya, identiti diri sebagai lelaki boleh mengalami krisis keruntuhan gender secara hetero dengan kehadiran imej-imej transgender. Atas kendalian konseptualisasi inilah produksi ini bercadang menerbitkan karya doku-drama Mama Dynaz sebagai sebuah performatif gender.

1.5.2 Kelelakian Heteroseksual

Merujuk kepada Mohd Makzan Musa (2001) menjelaskan bagi memahami tentang identiti gender lelaki bukan sekadar memahami faktor biologikal dengan adanya ‘alat kelamin’ lelaki yang berbeza dengan tubuh biologikal wanita. Sebaliknya untuk memahami tentang lelaki, ia turut harus meneliti tentang penanda ‘seksualiti’ kekelakian seorang lelaki agar dapat mewacanakan dengan lebih meluas dan kritis. Jelasnya, wujud tiga orientasi tingkahlaku seksual diantara kategori lelaki heteroseksual yang beza dengan lelaki homoseksual dan lelaki biseksual. Melalui Nor Shuradi (2016)





menegaskan orientasi tingkahlaku seksual lelaki boleh mengkategorikan kepada tiga (3) jenis pilihan seksual iaitu heteoseksual yang lebih tertarik seksual kepada berlawanan jenis, homoseksual lebih tertarik secara seksual bersama jenis dan biseksual tertarik kepada seksual baik lelaki dan wanita. Ringkasnya, kertas kerja ini menegaskan lelaki heteroseksual boleh dirujuk melalui tingkahlaku seksual yang mana lelaki heteroseksual memilih pasangan wanita di dalam merealisasikan hubungan seksualnya seperti melalui percintaan, perkahwinan dan hubungan kelamin sehingga jelas diterima dan dianggap normal oleh masyarakat sekeliling. Malahan, identiti mereka boleh dikaitkan atas kepercayaan masyarakat tentang lelaki harus bersifat 'anak jantan', tidak lembik, tidak lembut, berhati waja, malah harus mempunyai sifat superior dan '*machonisme*'. Justeru, sekiranya, tret-tret identiti ini didapati berlawanan dengan cara normal. Maka, masyarakat akan menghukum kelelakian atau kejantanan mereka dengan dakwah bapuk, pondan, darai, bencong sehingga berupaya mewujudkan krisis homophobia kepada individu lelaki ini. Perkaitan itu, Nor Shuradi (2016) menjelaskan bahawa persoalan 'seksualiti' lebih menumpukan kepada fenomena politikal yang menyangkutkan 'kuasa' terhadap hubungan manusia. Tegasnya, ekor dari keputusan golongan 'homoseksual' atau 'transeksual' memilih orientasi seks yang berlawanan dari sifat 'hetero' menyebabkan muncul pertikaian dari kalangan sarjana pasca-strukturalis seperti Bulter yang mempertikaikan heteroseksualiti adalah sebagai kategori lelaki hetero yang dominan dan hanya satu-satunya yang mutlak. Ini kerana, kesan tanggapan mitos heteroseksualiti yang ditanggapi sebagai jantan 'normal' menyebabkan timbulnya definasi oposisi biner 'abnormal'. Kesannya, golongan lelaki heteroseksual mengsurbodinatkan secara hegemoni golongan lelaki yang berorientasikan seksual secara terbalik melalui pendefinasian sosial sebagai, 'gay', 'maknyah', 'bapuk', 'pondan', 'darai' atau 'lelaki lembut', 'homoseksual' atau lain





‘transeksual’ serta digolongkan sebagai makhluk *deviant*, minoriti atau kelas dua di dalam komuniti sosial. Atas krisis hegemoni dan budaya patriarki yang berkembang kuat dalam budaya masyarakat, maka definisi kendalian konseptualisasi krisis keruntuhan hegemoni kelelakian heteroseksual telah dicabar dengan kemunculan pandangan lain seperti gagasan performativiti gender oleh Bulter yang cuba mencabar makna kekuasaan mitos lelaki secara hetero. Jelasnya, teoritikal Butler (2015) percaya makna gender lelaki hetero dibangunkan bukan atas kelahiran semula jadi. Ia dibangunkan secara konstruksi budaya dan atas itu, masyarakat secara konvensional menerima dengan akur dan menerima idea tentang ‘kekuasaan’ kelelakian hetero secara hegemoni. Perihal ini yang akan dipertikaikan pada kertas kerja ini yang menegaskan lelaki heteroseksual turut tidak bersifat stabil dan kukuh ekoran wujudnya fenomena lelaki ‘lain’ sebagai ikonik performatif di dalam karya persembahan ini.



1.5.3 Lelaki lain dan Karya “Mama Dynaz”

Lelaki Lain dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada penciptaan watak-watak lelaki transgender sebagai sebuah performatif. Penciptaan watak lelaki transgender adalah merujuk kepada kemunculan watak-watak lelaki transgender Mama Dynaz dalam mengharungi liku-liku hidup sebagai individu-individu yang mempunyai krisis identiti yang menentang imej lelaki heteroseksual. Berpandukan kepada pertikaian pengkaji yang menegaskan identiti gender lelaki bersifat tuntas dan dikawal atas mitos lelaki heteroseksual semata-mata. Sebaliknya gender lelaki adalah bersifat tidak stabil, boleh berubah-ubah dan ‘mencair’ dari kawalan kuasa hetero macho lelaki kepada bentuk lelaki lain yang bersifat transgender. Justeru, konseptualisasi lelaki lain pada





penciptaan karya kreatif ini adalah merujuk kepada penghasilan watak-watak lelaki lain atau watak lelaki transgender yang ditandai mengalami tanda krisis keruntuhan lelaki hetero yang disalurkan pada aspek naratif dan sinematik persembahan doku- drama eksperimentasi sebagai sebuah performatif gender.

Manakala Karya Mama Dynaz adalah merupakan suatu pengkaryaan yang ingin mendemonstrasikan diri watak lelaki dari kisah sebenar yang bertindak sebagai ikonik gender ketiga, gender lain atau imej lelaki transgender sebagai sebuah performatif. Ringkasnya, karya Mama Dynaz adalah merupakan suatu wadah pengkaryaan oleh pelajar yang bersumberkan dari kaedah pemerhatian dan kaedah temubual subjek (responden) yang telah memilih gaya transgender dalam kehidupan sebenar. Penerbitan karya Mama Dynaz ini dihasilkan melalui penerbitan format digital video bergenrekan doku-drama. Justeru, matlamat karya 'Mama Dynaz' adalah untuk membuktikan bentuk performatif gender 'lelaki' hetero adalah tidak bersifat tuntas atau stabil. Sebaliknya, bentuk performatif gender lelaki hetero boleh berubah-ubah' dan 'mencair' sebagai performatif 'transgender'

1.5.4 Performatif Gender

Wacana performatif gender adalah dibicarakan oleh sarjana Bulter (2015) yang mempersoalkan bukan hanya satu bentuk gender lelaki hetero yang ditandai berada di ruang sosial mahupun di ruang performatif secara *absolute*. Sebaliknya, ikonik gender ketiga, gender lain atau imej lelaki transgender yang hidup dalam realiti sosial dan alam realiti kedua (*2nd reality*) pengkaryaan adalah merupakan sebuah tindakan



pengulangan *action, being, showing doing* secara berbeza atau berlawanan dengan gambaran kehidupan kejantanan atau ‘lelaki hetero’ sebagai sebuah performatif gender lelaki lain. Justeru, definisi kendalian ‘performatif gender’ pada kertas kerja ini adalah merujuk kepada penghasilan watak- watak ‘Mama Dynaz’ sebagai ikonik diri lelaki transgender yang menentang atau meruntuhkan gender kekelakian secara hetero melalui format penerbitan doku-drama eksperimentasi.

1.6 Imaginasi dan Idea Penciptaan

Bagi menjustifikasikan dan mendemonstrasikan tanda keruntuhan hegemoni kekelakian hetero kepada bentuk gender lelaki atau transgender. Idea penciptaan karya Mama Dynaz menggunakan *treatment* video doku-drama atau drama dokumentari sebagai performatif. Menurut Hartmant & Paget (2016) doku-drama adalah merupakan sebuah genre penerbitan video televisyen yang mengabungkan elemen dokumentari dan elemen drama (*play*) ke dalam ruang bingkai skrin persembahan. Melalui penjelasan seterusnya, penerbitan genre doku-drama ini berfungsi untuk menenangkan kisah konflik individu atau sesuatu kelompok yang mempunyai rentetan peristiwa sebenar yang berlaku secara realiti. Namun, ‘treatment’ doku-drama bukan menekuni gaya dokumentari yang merakam secara langsung liputan peristiwa sejarah sesuatu fenomena yang sebagai makluman penonton. Sebaliknya, penerbitan doku-drama pada konteks pengkaryaan projek akhir adalah merupakan paparan audio-visual yang mengabungkan aksi lakonan semula watak-watak yang tercetus dari sumber kisah atau fakta sebenar yang berlaku pada subjek atau responden yang dikaji.



Justeru, idea doku-drama menjadi sumber idea pengkaryaan proposal ini. Tujuan mengaplikasikan idea doku-drama sebagai sumber idea utama pengkaryaan ekoran didapati sebagai medium yang sesuai menenengahkan tanda- tanda krisis keruntuhan hegemoni kelelakian hetero kepada bentuk gender lelaki ‘lain’ (transgender) sebagai performatif. Ironinya, proposal projek akhir memilih tidak terikat dengan sistem penerbitan doku-drama sediaada. Dalam kata lain, pengkarya (pelajar dinilai) tidak bercadang mengikut bentuk doku- drama secara tuntas. Sebaliknya, estetik bentuk (*form*) doku-drama Mama Dynaz bersifat *pastiche* yakni merayakan semangat doku-drama sebenar tetapi dimodifikasikan semula mengikut idea pengkaryaan doku-drama secara kreatif. Oleh itu, dalam konteks pengkaryaan Mama Dynaz, pengkaji selaku sutradara akan merakam aksi- aksi gambaran kehidupan, sikap dan tingkahlaku, aksi hubungan sosial watak dengan orang lain dengan menggunakan pelakon yang sebenar sebagai tujuan penggambaran doku-drama eksperimental. Rentetan itu, setelah proses penggambaran dilakukan, pengkarya akan melakukan proses kerja-kerja suntingan *off-online* terhadap *footage-footage* yang dirakam. Lalu, melaksanakan proses penyuntingan *off-online* menggunakan teknik *parallel intercutting* dengan mengutip *footage-footage still foto* subjek masa lalu, bersama ‘pelakon, serta beberapa *paper cutting* atau sumber-sumber fakta dokumen yang boleh menyokong sumber idea pengkaryaan dan imaginasi pengkaji sebagai sutradara. Ringkasnya, karya yang dicetuskan melalui sumber imaginasi pengkaji selaku sutradara adalah bersandarkan minat terhadap falsafah estetik *pastiche* yang mementingkan semangat doku-drama sedia ada. Namun, pengkaji selaku sutradara boleh membangun semula gaya bentuk doku-drama Mama Dynaz sebagai stail pengkaryaan tersendiri. Dengan memanipulasi sistem naratif dan sinematik doku-drama eksperimentasi inilah pengkaji selaku sutradara akan mencetuskan mainan intelektual dengan kebolehan





mengstrukturkan sistem naratif dan sinematik doku-drama dengan menyusun plot-plot aksi kehidupan watak Mama Dynaz yang tegar mentransformasikan dirinya sebagai diri lelaki lain dari satu ruang bingkai (*frame*) ke ruang bingkai (*frame*) lain sebagai sebuah performatif gender.

